

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai dan duti yang hilang dan gagal dikutip sepanjang 5 tahun berikutan kes-kesrasuah dan kemajuan langkah mengesan ketirisan yang diambil oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Adalah tidak dapat dipastikan jumlah cukai dan duti yang hilang dan gagal dikutip sepanjang 5 tahun lepas berikutan kes-kes rasuah. Namun demikian, menyedari fungsi Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) sebagai sebuah agensi kerajaan yang sentiasa berhadapan dengan para

peniaga dan pedagang yang mendedahkan pegawai kepada peluang rasuah dan pecah amanah, pelbagai strategi ke arah pemantapan integriti pegawai telah diadakan antaranya:

- i) Mewujudkan Unit Integriti yang khusus bagi memantau, membangun dan memantapkan integriti pegawai-pegawai serta mengambil tindakan tata tertib terhadap pelanggaran integriti;
- ii) Menyediakan Buku Pelan Integriti Jabatan 2010-2014 yang mengandungi program-program meningkatkan integriti dan nilai-nilai murni warga JKDM. Buku ini telah disusun bersama-sama pihak Institut Integriti Malaysia (IIM);
- iii) Menetapkan Kod Perilaku Kastam sebagai panduan kepada warga JKDM berkenaan kod perilaku yang perlu dipatuhi;
- iv) Mengetatkan pelaksanaan Perintah Tetap Perjawatan bilangan 78 yang menetapkan dasar penempatan dan pertukaran pegawai-pegawai JKDM berdasarkan sistem “e-penempatan” iaitu pangkalan data mengenai

perihal penempatan termasuk penempatan atau jenis kerja yang diklasifikasikan sebagai "panas". Bagi tempat-tempat ini, penempatan pegawai dihadkan kepada 3 tahun sahaja;

- v) Mengenakan tindakan hukuman termasuk buang kerja di bawah Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 ke atas warga yang telah didapati bersalah dalam kes rasuah dan salahguna kuasa;
- vi) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui penyediaan latihan kepada pegawai-pegawai JKDM bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dari aspek penyiasatan;
- vii) Mengadakan Program Pengukuhan Integriti sepanjang tahun diseluruh negara melalui:
  - a. Naziran perisyiharan harta bagi memastikan setiap anggota membuat perisyiharan harta mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2002.
  - b. Audit tatatertib ke bahagian/unit di negeri.
  - c. Bengkel dan kursus pemantapan integriti dan pengurusan tatatertib.

d. Program nilai-nilai murni.

viii) Menjalankan auditan kewangan dan perolehan JKDM setiap 2 tahun oleh Jabatan Audit Negara, Audit Dalam dan Audit Cawangan Akaun. Semua pegawai terlibat dalam jawatankuasa sebutharga tender perlu menandatangani '*integrity pact*' iaitu pengakuan tidak akan terlibat dengan rasuah;

ix) Mengadakan MOU Integriti di antara JKDM dengan pihak swasta seperti Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Persekutuan Penghantaran Fret (FMFF), Conference Of Asia Pacific Express Carier (CAPEC) dan Airfreight Fowarders Association Of Malaysia (AFAM);

x) Pelaksanaan sistem U-customs yang dijangka bermula pada 1 Januari 2016 bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) dalam urusan pelepasan barang-barang dijangka dapat mengelakkan penipuan dan kebocoran hasil melalui pengurangan "*human intervention*" di mana pengikraran, kelulusan dan pelepasan kastam dibuat secara atas talian; dan

xi) Pelaksanaan sistem percukaian baru iaitu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dijangka bermula 1 April 2015 dijangka dapat mengelakkan penipuan dan kebocoran hasil negara melalui sistem percukaian yang lebih efisyen dan telus.